

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[BATU GAJAH]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci mengenai pengembangan atau pengucupan sektor-sektor ekonomi di negeri Perak sejak bulan Mac 2020. Berapa jumlah pelaburan asing yang diterima setakat ini dan indikator-indikator ekonomi yang lain seperti kadar pengangguran, pasaran perumahan dan lain-lain lagi.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data terkini yang diterima daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN), pada tahun 2019, pertumbuhan ekonomi negeri Perak telah mencatat sebanyak 4.0% (2018: 5.3%), disokong oleh pertumbuhan sektor pembinaan sebanyak 6.4% dan sektor perkhidmatan sebanyak 4.5%. Manakala sektor pertanian dan pembuatan pula telah mencatat pertumbuhan yang lebih rendah, masing-masing sebanyak 2.9% dan 3.5%. Tinjauan ekonomi bagi negeri Perak dijangka menguncup pada tahun 2020 selari dengan prestasi ekonomi Malaysia berikutan pandemik COVID-19 yang masih berlarutan sehingga kini.

## **SOALAN NO : 436**

2. Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2020, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan pelaburan bernilai RM1.79 bilion yang melibatkan 39 projek dengan menawarkan 3,691 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, pelaburan langsung asing adalah sebanyak RM1.02 bilion. Di samping itu, di bawah pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), nilai jumlah pelaburan yang telah direalisasikan di negeri Perak bagi tahun 2020 iaitu sehingga 31 Oktober 2020 adalah sebanyak RM2.25 bilion.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, pada suku pertama 2020, kadar pengangguran negeri Perak adalah pada 4.2 peratus dengan bilangan penganggur seramai 46.2 ribu orang. Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan COVID-19 mulai 18 Mac 2020 dan berlanjutan dalam tempoh suku kedua 2020, memberi kesan kepada pengurangan bilangan penduduk bekerja di negeri Perak dalam tempoh tersebut. Lanjutan daripada pengurangan tersebut, didapati penganggur di negeri Perak pada suku kedua 2020 meningkat seramai 59.4 ribu orang penganggur dengan kadar pengangguran naik kepada 5.4 peratus.
4. Kedudukan pasaran buruh di negeri Perak lebih baik dapat dilihat pada suku ketiga 2020 yang menunjukkan penurunan kadar pengangguran sebanyak 0.7 mata peratus berbanding suku sebelumnya kepada 4.7 peratus dengan bilangan penganggur seramai 53.1 ribu orang.

Sekian, terima kasih.